

Headline	Cops serba tak menjadi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	63	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	325 cm ²
Journalist	MOHD FAHMI ISMAIL	AdValue	RM 4,131
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,392



Cops serba tak menjadi

■ MOHD FAHMI ISMAIL

WALAUPUN meraih tiga mata mengatasi UiTM FC, pengendali pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dollah Salleh tetap menyifatkan permainan anak buahnya kurang menjadi.

Beliau berkata, faktor keletihan sebagai punca PDRM hanya mampu men-

jaringkan dua gol pada aksi di Shah Alam, petang kelmarin.

"Inilah masalahnya. Serba tidak menjadi kerana pemain nampak keletihan selepas tiga perlawanan dalam jarak

masa terdekat.

"Kita juga ada pertemuan lagi dengan KL SPA pada Jumaat ini. Paling penting, kita harus bangkit kerana biarpun menang namun dari segi prestasi jauh berbeza," katanya.

Sementara itu, Dollah berpuas hati dengan penampilan

keempat-empat tonggak importnya dan tidak bercadang menggantikan dengan pemain baharu.

"Khidmat pemain import tidak ada masalah setakat ini. Walaupun Ali Ashfaq tak menjadi hari ini (kelmarin) kami masih ada Charles Souza Chad. Begitu juga pemain tengah, Mohamadou Sumareh," katanya.

PDRM menamatkan pusingan pertama Liga Premier di tangga teratas liga dengan 29 mata selepas 11 perlawanan.



Penyerang import PDRM, Ali Ashfaq (kanan) diasak dua pemain UiTM pada aksi Liga Premier, kelmarin.

FOTO: SHARIFUDIN ABU LIL RAHMAN